



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 100 TAHUN  
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**

**PADA: 25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**TEMPAT: PUTRA HALL B2, PUTRAJAYA INTERNATIONAL  
CONVENTION CENTRE (PICC), PUTRAJAYA**

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**YAB Dato' Anwar Ibrahim**  
Perdana Menteri Malaysia

**YB Tuan M.Kulasegaran a/l V.Murugeson**  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

**YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh**  
Peguam Negara

**YBhg. Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**YBhg. Datuk Suzana binti Atan**  
Peguam Cara II Negara

**YBrs. Tuan M.Bakri bin Abd. Majid**  
Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia

**Ketua-ketua jabatan, pihak media dan hadirin sekalian**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada hari yang penuh bermakna ini untuk meraikan **sambutan ulang tahun ke-100 penubuhan Jabatan Insolvensi Malaysia**.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga Jabatan Insolvensi Malaysia (**Mdl**) atas pencapaian ini. **Saya juga ingin merakamkan penghargaan**

saya kepada YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kesudian beliau menghadiri dan meraikan majlis kita pada hari ini serta sokongan berterusan yang diberikan kepada MdI dalam usaha untuk membantu golongan individu berstatus bankrap.

3. Untuk makluman YAB Dato' Seri, **tempoh 100 tahun ini dikira daripada pengwujudan “Official Assignee & Public Trustee Office” pada tahun 1924 di negeri-negeri Melayu Bersekutu, semasa zaman pemerintahan British di Tanah Melayu.** Pewujudan sebuah jabatan yang mentadbir hal ehwal insolvensi di negara ini sejak zaman kolonial lagi jelas menunjukkan kepentingan dan kedudukan hal ehwal insolvensi dalam menyokong pembangunan dan perkembangan sosio-ekonomi negara.
4. **Peredaran masa 100 tahun ini menyaksikan perubahan pada dasar Kerajaan dalam mentadbir hal ehwal insolvensi di Malaysia sejajar dengan cabaran dan keperluan pembangunan negara.**
5. **Kerajaan MADANI sentiasa peka dengan setiap keperluan rakyat dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan seterusnya menggerakkan perubahan dengan pelaksanaan dasar baharu yang dapat memenuhi keperluan rakyat dan peredaran masa serta sentiasa menyokong pembangunan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat.**

6. Tempoh insolvensi yang lama bukan sahaja membebankan individu dan syarikat bankrap malahan merugikan pihak Kerajaan kerana mereka tidak dapat menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, **menyedari bahawa masih ramai bankrap terutamanya yang terdiri daripada golongan orang muda**, YAB Perdana Menteri Ke-10 telah melaksanakan agenda islah dan ihsan melalui pelaksanaan Dasar Peluang Keduabagi memastikan golongan bankrap yang layak diberikan peluang untuk membina semula kehidupan.
7. Dalam menyahut pelaksanaan **Dasar Peluang Kedua**, pindaan telah dilaksanakan ke atas Akta Insolvensi 1967[Akta 360] melalui **Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta A1695]** dalam membuat penambahbaikan kepada pelaksanaan **pentadbiran yang berkesan khususnya dalam perkara pelepasan bankrap dan penggunaan teknologi dan pendigitalan**.
8. Bagi perkara pelepasan bankrap ini juga, **Kerajaan amat berharap agar pihak pembiutang memahami aspirasi dan hasrat murni Kerajaan**. Individu-individu bankrap yang dilepaskan ini adalah mereka yang telah lama dibelenggu masalah kebankrapan dan kes mereka juga merupakan kes-kes yang telah lama ditadbir ataupun merupakan kes hutang lapuk.
9. Agenda **Dasar Peluang Kedua** tidak terhenti setakat **pelepasan bankrap sahaja**. Dasar ini turut menyasarkan **pentadbiran insolvensi yang berkesan melalui**

**pengurusan dan penghasilan harta insolvensi yang cekap dan berkesan khususnya melibatkan syarikat yang melalui proses ini.** Ianya bagi memastikan harta-harta insolvensi dihasilkan dengan cekap bagi tujuan pembayaran hutang kepada pembiutang di mana hasil yang diperolehi ini boleh menyumbang semula kepada kitaran ekonomi negara.

10. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah ke depan dan hala tuju baru, **Mdl akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi cadangan pemerbadanan Mdl selaras dengan *global practices* di seluruh dunia.**
11. Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang kerana kita semua ingin mendengar ucaptama YAB Perdana Menteri berkenaan aspirasi dan hala tuju baru Mdl.
12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan **tahniah dan syabas kepada seluruh warga Mdl** atas komitmen yang diberikan dan pencapaian yang direkodkan terutamanya dalam aspek pelepasan bankrap.
13. **Saya berharap Mdl terus maju dan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.**

Sekian, terima kasih.